

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 6, 2019 12:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MAJLIS MAKAN MALAM REJIMENTAL RAI PALAPES YANG BERJAYA DITAULIAHKAN



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

6 OKTOBER 2019 / 7 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MAJLIS MAKAN MALAM REJIMENTAL RAI PALAPES YANG BERJAYA DITAULIAHKAN



UUM ONLINE: Pegawai Muda dalam Angkatan Tentera Malaysia di kalangan mahasiswa perlu peka terhadap persekitaran khususnya corak ancaman masa kini dan masa hadapan serta milkilah ilmu pengetahuan berkaitan ketenteraan yang komprehensif dan menyeluruh bagi menghadapi sebarang bentuk ancaman.

“Aspek kerohanian juga perlu diperkukuhkan bersama gabungan empat elemen iaitu akal, rohani, nafsu dan Qalbu serta ungkapan “setia kepada negara dan sedia berkorban demi kepentingannya dengan tidak sekali-kali mengenal erti menyerah.”

Demikian pesanan Naib Canselor, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dalam Majlis Makan Malam Rejimental sempena meraikan kejayaan pelajar yang telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda Tentera Darat Malaysia oleh Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim pada 3 Ogos yang lalu.

Sebagai Naib Canselor merangkap Komandan PALAPES UUM, beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua 157 Pegawai Muda Angkatan Tentera Malaysia dari UUM, khususnya kepada 81 Pegawai Muda Tentera Darat yang terdiri daripada mahasiswa yang berjiwa kental yang telah berjaya menamatkan latihan seterusnya ditauliahkan dalam Rejimen Askar Wataniah.

“Saya berharap kejayaan ini akan menjadi perangsang dan motivasi yang tinggi kepada mahasiswa untuk meneruskan usaha dalam mencapai kejayaan yang terbaik dalam program pengajian masing-masing seterusnya menjadi contoh kepada anak muda daripada pelbagai kaum dan bangsa yang bukan sahaja berilmu pengetahuan malah mempunyai kemahiran dalam bidang ketenteraan,” ucapnya di EDC Hotels & Resorts, kelmarin.

Beliau berbangga di atas kejayaan mahasiswa dan amat yakin bahawa latihan yang diikuti telah menjadikan mahasiswa lebih berani, tabah, berkeyakinan tinggi dan mampu melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang.

“Saya berharap mahasiswa terus aktif dan menabur bakti dalam Rejimen Askar Wataniah di negeri masing-masing selepas tamat pengajian nanti dan sertailah kursus-kursus kerjaya yang ditawarkan bagi meningkatkan ilmu ketenteraan di Pusat Latihan Askar Wataniah atau dikenali PUSWATAN, di Ipoh, Perak yang amat bersesuaian dengan moto UUM iaitu ILMU, BUDI, BAKTI,” ujarnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Yang Dipertua dan semua Ahli Jawatankuasa serta semua pegawai yang terlibat dalam menjayakan Majlis Makan Malam Rejimental Sempena Istiadat Pentauliahkan DiRaja Pegawai Muda PALAPES Darat UUM ke-38.

“Ribuan terima kasih di atas curahan keringat tuan-tuan sekalian dalam melatih para pelajar Universiti Utara Malaysia selama 3 tahun sehingga melayakkan mereka ditauliahkan sebagai seorang pegawai tentera yang diiktiraf oleh Angkatan Tentera Malaysia sebagai benteng kedua pertahanan negara.

Tambahnya, ilmu yang disampaikan adalah di luar skop pembelajaran akademik di dalam program pengajian mereka. Hanya mereka yang menyertai Pasukan PALAPES sahaja yang dapat menimba ilmu disiplin ketenteraan yang sangat berharga untuk mereka aplikasikan semasa di universiti mahupun atau selepas tamat pengajian nanti.

Majlis turut menyaksikan acara minum ucap selamat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diikuti minum ucap selamat kepada pegawai muda, penyampaian cenderahati serta acara memotong pulut kuning turut menyerikan majlis.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.